



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BIL. 4 TAHUN 2000**

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

**PENGECCUALIAN ISTIMEWA DARIPADA PERATURAN
BIASA PEROLEHAN KERJA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian/Jabatan berkenaan pengecualian istimewa daripada peraturan biasa perolehan kerja bermula pada 1 September 2000 hingga 31 Ogos 2001. Pengecualian ini tidak termasuk perolehan perkhidmatan dan peralatan serta projek di bawah program sekolah satu sesi.

LATAR BELAKANG

2. Bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi Negara daripada kegawatan, Kementerian Kewangan pada tahun lalu telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil.7 Tahun 1999 (Pengecualian Istimewa Daripada Peraturan Biasa Perolehan Kerja dan Perlantikan Perunding Bagi Tahun 1999) yang berkuat kuasa pada 30 Jun dan tamat pada 31 Disember 1999. Melalui SPP tersebut, agensi dibenar melaksanakan projek kerja masing-masing secara tender terhad atau rundingan terus tanpa perlu merujuk kepada Kementerian Kewangan.

3. Kementerian Kewangan mendapati bahawa kaedah yang dilaksanakan melalui SPP tersebut telah berjaya mempercepatkan pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Untuk tujuan tersebut Kementerian Kewangan bersetuju supaya kaedah yang dilaksanakan melalui SPP tersebut dilaksanakan semula dengan sedikit pengubahsuaian.

KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN KERJA

4. Untuk menyegerakan pelaksanaan projek, perolehan kerja ini hendaklah dilaksanakan secara *Design & Build*, dan *Turnkey*. Agensi dikehendaki mengenal pasti kaedah yang difikirkan sesuai bagi melaksanakan projek kerja masing-masing.

5. Pengecualian istimewa ini bermaksud agensi dibenar menguruskan perolehan kerja secara **tender terhad** berdasarkan had nilai dan kaedah yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini tanpa perlu merujuk kepada Perbendaharaan. Walau bagaimanapun perolehan kerja yang akan dilaksanakan secara **rundingan terus**, agensi dikehendaki mengemukakan profail projek, justifikasi dan profail sekurang-kurangnya tiga kontraktor kepada Kementerian Kewangan untuk pemilihan.

PRASYARAT DALAM MENGGUNAKAN PENGECUALIAN ISTIMEWA

6. Agensi adalah dikehendaki memastikan semua projek kerja yang hendak dilaksanakan mematuhi syarat berikut:

- (i) mempunyai tapak di tanah yang telah di miliki; dan
- (ii) kelulusan peruntukan kewangan;

7. Segala urusan seperti pemilihan tapak projek, pengambilan alih tanah dan sebagainya telahpun diselesaikan dan projek berkenaan bebas daripada segala bentuk halangan supaya boleh terus dilaksanakan tanpa sebarang masalah.

8. Projek-projek kerja yang dikenal pasti dan hendak dilaksanakan mengikut kaedah ini hanya terhad kepada projek-projek kerja yang boleh dikomitkan dan dimulakan pelaksanaannya sebelum atau pada 31 Ogos 2001. Sekiranya kerja-kerja fizikal tidak dapat dimulakan pelaksanaannya selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2001, maka projek tersebut tidak boleh menggunakan kaedah ini. Maksud dikomitkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan ini ialah sehingga surat setuju terima dikeluarkan sebelum atau pada 31 Ogos 2001.

9. Ketua agensi adalah diingatkan tentang peraturan yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi melalui:

- (i) Garis Panduan Mengenai Kemudahan Membuat *Forward Commitment* Bagi Program Rancangan Lima Tahun Malaysia yang diedarkan melalui Surat UPE(S) 11/135/100/2 Jld.15 bertarikh 10 Mei 1999; dan
- (ii) Pengecualian Daripada Mendapatkan Kelulusan Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos Bagi Melaksanakan Projek Bangunan Kerajaan yang diedarkan melalui surat UPE(S) 10/102/28 SJ.2 Jld.12 bertarikh 26 Mei 1999.

PELANTIKAN KONTRAKTOR DAN PERUNDING.

10. Semua perolehan kerja oleh agensi yang bukan bertaraf Jabatan Teknik hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan khidmat perunding pengurusan projek(PMC).

11. Agensi dikehendaki melantik PMC mengikut lokasi projek seperti disenaraikan di *Lampiran A*. Bagi tujuan menentukan bayaran perkhidmatan PMC, rundingan hendaklah dibuat oleh jawatankuasa yang dilantik oleh lembaga perolehan agensi. Kos PMC yang dipersetujui hendaklah tidak melebihi kadar biasa dan disyorkan kepada lembaga perolehan agensi untuk disetuju terima.

12. PMC adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kos projek adalah munasabah. Kadar harga (*rates*) tidak melebihi dari norma industri dan harga semasa.

13. Kontraktor yang telah dikenal pasti bagi melaksanakan sesuatu projek hendaklah daripada kalangan kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam kategori dan bidang berkaitan. Kontraktor-kontraktor di kawasan lokasi projek hendaklah diberi keutamaan untuk melaksanakan projek kerja tersebut.

KUASA LEMBAGA PEROLEHAN

14. Lembaga perolehan agensi di bawah peraturan SPP ini adalah dengan ini diberi kuasa seperti yang berikut:

- (i) mempertimbang dan melulus pemilihan kontraktor untuk menyertai tender terhad;
- (ii) mempertimbang dan menyetuju terima kontraktor yang berjaya dalam tender terhad tersebut;
- (iii) menyetuju terima tawaran/hasil rundingan harga kontraktor yang dipilih oleh Kementerian kewangan.

15. Had kuasa lembaga perolehan mempertimbang dan menyetuju terima tender terhad atau rundingan terus adalah seperti yang berikut:

- (i) **Lembaga Perolehan Kementerian**
Kos projek sehingga RM20 juta
- (ii) **Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri**
Kos projek sehingga RM5 juta.

16. Sesuatu perolehan kerja yang bernilai melebihi had kuasa yang dibenarkan di atas, hendaklah dibuat melalui kaedah **tatacara perolehan biasa**.

DASAR-DASAR SEMASA KERAJAAN YANG PERLU DIPATUHI

17. Dalam melaksanakan perolehan kerja tersebut, dasar-dasar penting Kerajaan hendaklah dipatuhi:

- (i) keutamaan kepada Bumiputera;
- (ii) keutamaan kepada kontraktor tempatan;
- (iii) penggunaan barang dan perkhidmatan keluaran tempatan;
- (iv) dasar pemindahan teknologi; dan
- (v) dasar-dasar lain atau keputusan semasa Kerajaan.

18. Ketua-ketua agensi hendaklah memastikan bahawa penyeliaan yang lebih rapi dibuat ke atas pelaksanaan projek-projek di bawah Maksud Perbelanjaan Pembangunan masing-masing supaya tidak berlaku kelewatan pelaksanaan dan mengelakkan kurang belanja (*shortfall*) projek-projek pembangunan.


KUAT KUASA

19. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa pada 1 September 2000 hingga 31 Ogos 2001. SPP ini akan terbatal dengan sendirinya pada 1 September 2001.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(DATO' DR. SAMUDRIN BIN HITAM)
 Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
 Kementerian Kewangan Malaysia.

25 Ogos 2000

s.k.

Akauntan Negara Malaysia,
 Ketua Audit Negara,
 Semua yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, dan
 Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan.

Lampiran A

PERUNDING PENGURUSAN PROJEK(PMC) MENGIKUT ZON

NAMA PERUNDING PENGURUSAN PROJEK(PMC)	ZON
1. KINTA SAMUDRA SDN.BHD. Tingkat 5, Menara 2, Faber Towers, Jln. Desa Bahagia off Jln. Klang Lama, Taman Desa, 58100 K.L. 2. UMI-ROSS PROJECT MANAGEMENT SB 519, Jln. SS6/12, Kelana Jaya Urban Centre, 47301 Petaling Jaya, Selangor D.E. 3. WORLDWORTH SDN. BHD. 15, Jln. 12/12, 46200 Petaling Jaya, Selangor D.E. 4. AMBANGAN HEIGHT SDN.BHD. 62, Jln. Cempaka 1/2, Persiaran Cempaka, 08000 Amanjaya, Sg. Petani, Kedah Darul Aman. 5. KIP MANAGEMENT SDN.BHD. Tkt.1, Bangunan Korporat, Taman Ilmu IKRAM, Jalan Serdang, 43000 Kajang, Selangor D.E.	Zon Tengah (Kuala Lumpur, Selangor, dan Negeri Sembilan). Zon Selatan (Johor dan Melaka) Zon Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan) Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) Zon Sabah dan Sarawak

Nota:

Setiap PMC dihadkan kos terkumpul projek sebanyak RM300 juta. Kelulusan Perbendaharaan perlu didapatkan jika melebihi had tersebut.